

D190

U B106 AAB
MAHATHIR - USUL

KUALA LUMPUR, 18 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, USUL YANG DILULUSKAN HARI INI OLEH PERHIMPUNAN AGUNG UMNO SUPAYA CADANGAN MENGENAI PERUBAHAN TERHADAP PARTI PERLU DIRUJUK KEPADA PERHIMPUNAN TERLEBIH DAHULU TIDAK HARUS DIANGGAP SEBAGAI SYARAT PERTEMUANNYA DENGAN PEMIMPIN PARTI SEMANGAT 46; TENGGU RAZALEIGH HAMZAH. -

PERDANA MENTERI BERKATA, USUL ITU SEKADAR GAMBARAN BAHAWA PARA ANGGOTA MAHU MEMASTIKAN AGAR HAK MEREKA DALAM MENENTUKAN SOAL DASAR PARTI TIDAK DIKETEPIKAN.

PERHIMPUNAN AGUNG SEMEMANGNYA MEMPUNYAI KUASA PENUH UNTUK MEMBUAT APA-APA PINDAAN TERHADAP PERLEMBAGAAN PARTI, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS BERAKHIRNYA PERHIMPUNAN PADA HARI KEDUA DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

USUL BERKENAAN MENYOKONG KESANGGUPAN DATUK SERI DR MAHATHIR SEBAGAI PRESIDEN PARTI MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN MANA-MANA PIHAK DEMI PERPADUAN MELAYU DENGAN SYARAT SEBARANG CADANGAN YANG BOLEH MENIMBULKAN PERUBAHAN KEPADA UMNO HENDAKLAH TERLEBIH DAHULU DIRUJUK KEPADA PERHIMPUNAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, USUL ITU DIBUAT KERANA ADA YANG KHUATIR KEMUNGKINAN SOAL MEMINDA PERLEMBAGAAN DITIMBULKAN SEBAGAI SUATU SYARAT APABILA PERTEMUAN DIADAKAN KELAK. -- LAGI
2002MST 18 11 89

D197

U B107 AAB
MAHATHIR - USUL 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN TENGGU RAZALEIGH MASING-MASING TELAH MENYATAKAN PERSETUJUAN BERTEMU TANPA SEBARANG SYARAT.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, KECAMAN-KECAMAN TERHADAP TENGGU RAZALEIGH SEMASA PERBAHASAN USUL PADA PERHIMPUNAN ITU TIDAK SEHARUSNYA DIANGGAP SEBAGAI SESUATU YANG BOLEH MENGHALANG USAHA MENGADAKAN PERTEMUAN ITU.

+KITA PERCAYA KEPADA KEBEBASAN BERSUARA. KALAU MEREKA NAK BERSUARA, TAKKAN KITA NAK LARANG,+ KATANYA.

MENGENAI SARANAN WAKIL PULAU PINANG AGAR BEKAS PERDANA MENTERI, TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ TIDAK BERTINDAK SEBAGAI +ORANG TENGAH+ PADA PERTEMUAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +TUNKU TIDAK MINTA MENJADI ORANG TENGAH, KITA YANG MINTA+.

KETIKA DIMINTA MENJELASKAN TENTANG PAMERAN PERABOT PWTC, BELIAU BERKATA, IA BERTUJUAN MENJELASKAN KERAGUAN PARA ANGGOTA KERANA RAMAI YANG BERTANYA MENGAPA KOS BANGUNAN YANG TERLALU TINGGI.

+KALAU KITA TIDAK BUAT, ORANG KATA KITA CUBA MENYEMBUNYIKAN SESUATU,+ KATANYA.

APABILA PEMBERITA MENYATAKAN HARGA PERABOT ITU TIDAK MUNASABAH SEHINGGAKAN SEBUAH TEMPAT ABUK ROKOK DIKATAKAN BERHARGA \$900, PERDANA MENTERI BERKATA: +TERPULANGLAH KEPADA ORANG RAMAI UNTUK MEMBUAT TAFSIRAN+.

-- LAGI

2015MST 18 11 89

D198

U B108 AAB
MAHATHIR - USUL 3 KUALA LUMPUR

APABILA DITANYA LAGI MENGAPA HANYA SEKARANG PENJELASAN ITU DIBUAT, BELIAU BERKATA, MAKLUMAT LENGKAP MENGENAI HARGA ITU BARU DIPEROLEHI.

MENURUT BELIAU, PENTADBIRAN PWTC TELAH BERTUKAR TANGAN KIRA-KIRA DUA TAHUN LEPAS DAN BELIAU DIBERITAHU OLEH PENGURUS BARU BAHAWA MEREKA SEDANG MENGAJI DOKUMEN BERKENAAN.

TAMBAHNYA, UMNO TIDAK BOLEH MENGAMBIL APA-APA TINDAKAN TERHADAP APA YANG DIDAKWA SEBAGAI PENYELEWENGAN DALAM PEMBELIAN PERABOT ITU KERANA KETIKA INI HARTA PARTI DILETAKKAN DI BAWAH PEMEGANG HARTA.

BELIAU JUGA BERKATA, UMNO TIDAK TAHU BERAPA LAMAKAH HARTA ITU BOLEH DIPINDAHKAN SEMULA KEPADA PARTI KERANA IA PERLU MENDAPATKAN BUKTI TENTANG KEANGGOTAAN.

PAMERAN PERABOT ITU DIADAKAN DI BILIK SARAWAK, PWTC. -- BERNAMA
2019MST 18 11 89